

CELIK WANG

Cara urus wang: Labur dalam hartanah, simpan 10% gaji setiap bulan



AMALKAN SISTEM PERBELANJAAN BULANAN: Encik Sani Hamid mengalihkan sekitar 70 peratus wang gajinya setiap bulan ke akaun-akaunnya yang lain bagi memenuhi perbelanjaan yang berbeza. Baki 30 peratus daripada gajinya itu digunakan bagi perbelanjaan tetapnya. Sistem itu membolehkannya tidak berbelanja berlebihan. - Foto TAUFIK A. KADER

13 Jul 2014

NORHAIZA HASHIM

APABILA nasihat mengenai pengurusan kewangan atau pelaburan diminta, nama Encik Sani Hamid sering diketengahkan.

Karyawan kelahiran Kuantan, Pahang, berusia 44 tahun itu telah lama menyumbang tenaga dan masa di luar kerjaya profesionalnya untuk memberikan ceramah dan nasihat kewangan kepada masyarakat Melayu di Singapura.

Sebagai Pengarah (Ekonomi dan Strategi Pasaran) firma penasihat kewangan Financial Alliance, beliau telah membantu pelanggannya menguruskan kewangan mereka dengan bijak di samping memanfaatkan peluang pelaburan.

Di firma itu beliau bertanggungjawab membentuk Jabatan Pengurusan Harta Islam Financial Alliance (FaiWA) bagi memberikan nasihat mengenai pengurusan kewangan mereka sejajar dengan ajaran Islam.

Sejak setahun lalu Encik Sani telah menyumbang tenaga sebagai penasihat Pusat Penasihat Hutang (DAC) kendalian Angkatan Karyawan Islam (AMP) bagi membantu individu agar bebas hutang.

Dibesarkan di Kuantan, Encik Sani memilih Kota Singa dan menolak biasiswa ke United Kingdom untuk meneruskan pengajian di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dalam bidang perniagaan. Beliau juga memiliki ijazah Sarjana Sains Gunaan dari Universiti Nasional Singapura (NUS).

Encik Sani juga memiliki sijil profesional Perancang Kewangan Bertauliah (CFP) dan Sijil bagi Kewangan dan Perbankan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Malaysia.

Beliau sudah mendirikan rumah tangga dan mempunyai dua anak lelaki. Isterinya, seorang mualaf berbangsa Cina warga Singapura, bekerja di sebuah bank di sini.

Bagaimanakah kehidupan anda semasa kecil? Bagaimanakah ibu bapa anda mengajar anda mengenai pengurusan wang?

Saya berasal daripada keluarga yang susah. Ibu saya banyak mengajar saya tentang berjimat-cermat. Baginya walaupun 10 sen, ia tidak harus dibelanjakan sesuka hati. Tetapi, walaupun ibu saya amat cermat beliau juga mengajar saya agar membantu orang lain dan berbelanja demi kesenangan orang lain.

Bak pepatah, bapa borek anak rintik, seperti bapa saya, saya ada kelemahan berbelanja untuk orang yang saya sayang.

Gabungan ciri-ciri ibu bapa saya itu membentuk sikap saya terhadap pengurusan wang. Saya sanggup berbelanja untuk mereka yang saya sayangi tetapi bagi diri saya sendiri, saya cukup berjimat.

Berapa banyak kad kredit yang anda miliki?

Saya menggunakan kad kredit utama (POSB Everyday), satu untuk minyak petrol (DBS Esso untuk mendapat diskaun bagi minyak petrol) dan kad Amex sebagai kad kecemasan.

Purata saya belanja \$700 hingga \$1,000 setiap bulan menggunakan kad kredit saya. Saya akan membayar kesemua hutang kad kredit saya setiap bulan.

Bagaimana anda pastikan anda tidak berbelanja berlebihan setiap bulan?

Saya mempunyai satu sistem iaitu setiap 2 atau 3 haribulan setiap bulan selepas gaji saya dimasukkan, sekitar 70 peratus duit saya dialihkan ke akaun-akaun saya yang lain bagi memenuhi perbelanjaan yang berbeza. Misalnya, saya mempunyai akaun-akaun khas khusus untuk menabung, untuk potongan Giro serta bayaran lain seperti cukai, ansuran kereta dan kos pengendalian kondominium.

Selepas gaji saya ditolak setiap bulan, baki 30 peratus daripada gaji saya itu digunakan bagi perbelanjaan tetap saya. Sistem ini membolehkan saya memastikan saya tidak berbelanja berlebihan.

Apakah perancangan kewangan yang anda lakukan untuk diri anda?

Matlamat persaraan saya ialah:

1. Mempunyai pampasan CPF Life sebanyak \$800 hingga \$1,000 sebulan apabila saya bersara.
2. Membayar sepenuhnya kondominium saya di Singapura yang membolehkan saya menjana \$2,500 hingga \$3,000 sebulan. Saya merancang bersara di sebuah rumah sebandung di Gelang Patah (di Johor) yang mempunyai sebuah taman luas dan memelihara binatang untuk anak-anak dan cucu saya jika mereka mengunjungi saya. Yeh!
3. Setelah bersara saya bercadang mengajar di Singapura atau di Iskandar, Malaysia bagi menambah pendapatan sebanyak \$1,000 hingga \$2,000.

Saya juga pastikan saya melindungi diri saya dan keluarga dengan mempunyai:

1. Pelan insurans hospital bagi seluruh keluarga saya.
2. Memastikan keluarga saya mempunyai kewangan yang mencukupi jika apa-apa berlaku terhadap diri saya.
3. Membuat perancangan harta pusaka agar keluarga saya tidak akan menghadapi masalah.

Saya memenuhi tanggungjawab agama dengan:

1. Membayar zakat harta setiap tahun. Sebahagian besarnya adalah untuk keluarga susah yang saya temui dalam kerjaya saya.
2. Membuat pelaburan berlandaskan syariah.
3. Menggunakan akaun, produk dan khidmat Islam apabila disediakan.

Berapakah jumlah wang yang anda simpan setiap bulan?

Sekitar 10 peratus daripada gaji saya.

Apakah hartanah anda miliki dan kereta yang anda pandu?

Saya memiliki sebuah kondominium di kawasan barat Singapura yang saya beli pada 2007 pada harga \$550,000.

Kereta yang saya pandu ialah jenis Camry 2.4 berusia lima tahun yang saya beli empat tahun lalu pada harga \$70,000.

Apakah barang paling mahal yang pernah anda beli untuk diri anda?

Kereta saya. Sebenarnya saya selesa memandu kereta lama saya jenis Toyota Wish yang berplat merah tetapi syarikat saya berasa saya perlu membeli kereta yang saya pandu sekarang sejajar dengan jawatan saya.

Saya jarang belanja untuk diri saya. Kebanyakan barang mahal yang saya miliki biasanya dihadiahkan kepada saya semasa ulang tahun saya seperti jam tangan, tali leher dan kemeja. Saya hanya bayar \$3.80 untuk memotong rambut saya dan biasanya memakai baju terpakai.

Apakah pelaburan terburuk anda sejauh ini?

Membeli sebuah kondominium di Kuala Lumpur pada 1990 yang dibiarkan selama 10 tahun oleh pemaju hartanah kerana terjejas dengan krisis kewangan Asia. Saya mengalami kerugian apabila menjualnya pada harga 30 peratus lebih rendah daripada harga belian setelah projek itu siap.

Saya juga menanggung kerugian \$3,000 bagi saham Clob yang digantung hingga hari ini. Walaupun kerugiannya ialah \$3,000 ia jumlah yang besar bagi saya ketika ia berlaku pada tahun 1990-an.

Apakah pelaburan terbaik anda?

Sebuah kondominium di Gelang Patah yang saya beli pada harga RM220,000 (\$85,569) pada 2012. Ia menjana pulangan sewa 11 peratus setahun dan kini dianggarkan bernilai RM320,000.

Kondominium saya di Singapura dianggarkan bernilai \$1.1 juta dan dijangka menjana anggaran pulangan 5 hingga 6 peratus setahun setelah saya bersara.

Sepuluh aset saya juga dilaburkan dalam dana ekuiti dan saham yang dijangka tidak akan memberikan pulangan setinggi pelaburan hartanah saya. Kita perlu mempelbagaikan pelaburan dan hartanah merupakan satu pelaburan berisiko tinggi yang mungkin tidak sesuai bagi semua pelabur.

Anda telah membantu ramai individu Melayu bebas hutang. Apakah nasihat anda kepada mereka yang mempunyai masalah hutang?

Sebagai penasihat DAC saya rasa masyarakat kita menghadapi masalah hutang yang kritikal. Jika kita tidak melakukan sesuatu sekarang saya bimbang keadaan akan bertambah buruk. Saya bimbang masalah hutang dalam kalangan masyarakat kita sudah mencapai tahap epidemik dan banyak masalah sosial yang membelenggu masyarakat kita berpunca daripada masalah hutang di peringkat keluarga.

Keluarga yang dirundung masalah hutang ini menanggung hutang yang baru setiap bulan tanpa menyedarinya kerana mereka tidak tahu perbelanjaan mereka melebihi pendapatan mereka setiap bulan.

Mereka menganggap masalah hutang mereka tidak dapat dihuraikan dan ia menjadi semakin sukar.

Saya ingin menasihatkan keluarga yang menghadapi masalah ini agar mendapatkan bantuan segera daripada DAC@AMP.